

LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Penzahiran Produk bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat produk pembiayaan ini sebelum anda memutuskan untuk menerima pembiayaan ini. Anda juga dinasihatkan untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini. Dapatkan penerangan daripada Koperasi Tentera (“KT”) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma umum.

1. Apakah produk peSARA-i ini?

Pembiayaan peribadi jangka pendek bercagarkan akaun yuran yang dikhususkan kepada anggota yang telah bersara meliputi pesara tentera atau pesara kakitangan awam Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH). Margin pembiayaan akan diberi berdasarkan kepada baki akaun yuran yang belum digunakan sebagai cagaran pembiayaan.

Jumlah yuran yang dicagar untuk pembiayaan ini **dikecualikan daripada pengiraan dividen** sehingga pembiayaan selesai.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

peSARA-i berlandaskan konsep Syariah Bai Al-'Inah yang melibatkan urus niaga jual beli di mana, KT akan menjual aset kepada anda secara pembayaran tertangguh (harga jualan) dan membelinya semula secara tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan.

3. Apakah yang akan saya dapat melalui tawaran daripada produk ini?

Jumlah Pembiayaan	Tidak melebihi 90% daripada jumlah yuran terkumpul dengan pembiayaan: <ul style="list-style-type: none"> • Minimum RM500.00 • Maksimum sehingga RM200,000.00
Kadar Keuntungan	Bermula serendah 1.50% sehingga 3.50% setahun bergantung kepada jumlah cagaran yuran.
Tempoh Pembiayaan	Maksimum satu (1) tahun sahaja.
Pilihan Kaedah Ansuran Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Ansuran bulanan; atau • Pada tarikh matang pembiayaan (<i>bullet payment</i>). <p>Nota: Pilihan kaedah pembayaran perlu dibuat ketika permohonan dan ianya tidak boleh diubah setelah permohonan diproses.</p>
Cara Bayaran Balik Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran tunai di kaunter; • Pindahan masuk melalui IBG atau KT Online.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Anda dikehendaki membuat bayaran bulanan seperti yang dipersetujui pada tempoh masa yang ditetapkan.

Contoh adalah seperti berikut:-

Amaun Pembiayaan : RM 10,000

Tempoh Pembiayaan : 12 bulan

Kadar Keuntungan : 3.50 % setahun

i. Harga Jualan yang perlu dibayar : RM 10,408.33

Harga Jualan = Jumlah pembiayaan + Jumlah keuntungan

Jumlah Keuntungan = Jumlah Pembiayaan x Kadar keuntungan x (tempoh pembiayaan [dalam tahun])

ii. Ansuran Bulanan* yang perlu dibayar adalah : RM 867.36

Sekiranya anda ingin menarik diri daripada menjadi anggota KT atau keanggotaan anda terhenti atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil KT, anda bertanggungjawab

untuk menyelesaikan sepenuhnya baki pembiayaan yang tertunggak samaada melalui proses pelarasan (penolakan daripada akaun yuran dan simpanan yang terkumpul) ataupun secara tunai.

*Nota: Hanya tergunapakai bagi pilihan bayaran secara ansuran bulanan.

5. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?

Jenis Fi dan Caj	Keterangan Fi dan Caj	
	Jumlah Pembiayaan (RM)	Caj (RM)
Caj Perkhidmatan Pembiayaan	500 – 5,000	10.00
	5,001 – 50,000	50.00
	50,001 – 100,000	75.00
	100,001 – 200,000	100.00
Duti Setem	a) Pembiayaan RM1,000 dan ke bawah : Duti setem minimum ditetapkan pada RM10. b) Pembiayaan RM1,000 ke atas : RM5 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya atau seperempatnya yang termaktub di dalam Akta Duti Setem 1949 dan pindaan dari semasa ke semasa.	
Caj Pentadbiran	RM100.00 untuk setiap akaun bagi urusan penyelesaian awal pembiayaan.	
Caj Pemprosesan Penyata Penyelesaian Awal	RM15.00 untuk setiap permohonan penyelesaian awal pembiayaan pada satu-satu masa.	

Nota:

- 1) Kesemua fi dan caj berkaitan akan ditolak dari jumlah pembiayaan yang diterima oleh anda.
- 2) KT akan memaklumkan dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang perlu dibayar.

6. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?

- i. Jika ansuran bulanan atau pembayaran pada tempoh matang (mengikut pilihan bayaran yang telah dibuat semasa permohonan) tidak diterima sepenuhnya, **jumlah tunggakan akan diselesaikan melalui akaun yuran anggota atau akaun simpanan anggota (jika berkenaan)**.
- ii. KT berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada anda atas kerugian sebenar yang dialami oleh pihak KT, akibat daripada kelewatan atau kegagalan anda membayar ansuran, baki Harga Jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang perlu dibayar kepada pihak KT, dikira daripada tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya dibuat. *Ta'widh* yang dikenakan adalah pada kadar 1% setahun mengikut jumlah bayaran tertunggak yang dikira secara harian setelah akaun pembiayaan matang (Berdasarkan garis panduan dan resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia yang digunakan sebagai rujukan dan panduan terma ini).
- iii. KT akan mengeluarkan notis peringatan bagi meminta anda untuk membuat pembayaran ansuran bulanan yang tertunggak.
- iv. Tindakan undang-undang mungkin akan diambil sekiranya anda gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak KT.

7. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan hutang pembiayaan sebelum tempoh matang?

Rebat (Ibra') akan diberikan kepada anda berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:-

- i. Anda membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;

- ii. Penjelasan oleh anda dalam kes kemungkiran pembayaran dan anda kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;

Formula untuk pengiraan Ibra' adalah seperti berikut:

Ibra' = Baki keuntungan yang belum diperolehi/belum terakru – Caj penyelesaian awal

8. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

Tidak. Sekiranya anda meninggal dunia sebelum pembiayaan diselesaikan ketika dan sebelum umur 65 tahun, maka baki pembiayaan anggota akan dihapuskira sehingga RM50,000 sahaja. Lebihan tanggungan/liabiliti pembiayaan terbabit (jika ada) akan diselesaikan melalui yuran terkumpul. Walaubagaimanapun, jika anggota meninggal dunia selepas umur 65 tahun dan ke atas, tanggungan/liabiliti ke atas keseluruhan baki pembiayaan anggota akan diselesaikan melalui yuran terkumpul anggota.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Akaun yuran anda akan dijadikan cagaran bagi pembiayaan ini dan jumlah **yuran yang dicagarkan akan dikecualikan bagi pengiraan dividen tahunan semasa sehingga pembiayaan selesai**.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak Koperasi Tentera jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat dan maklumat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini butiran peribadi anda di Kaunter Cawangan Koperasi Tentera berhampiran.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai sebarang masalah untuk menjelaskan pembayaran anda, hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di talian KT Customer Care 03-2303 0000
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Suruhanjaya Koperasi Malaysia di:-

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
No Tel: 03-2083 4000
Faks: 03-2083 4100
Emel: webmaster@skm.gov.my

12. Lain-lain pakej pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh KT:

- Pembiayaan Ekspres (QM, NX & ES)
- Pembiayaan EzyCash-i
- Pembiayaan Peribadi Bercagar Yuran Anggota (KR)
- Pembiayaan Peribadi Berpenjamin (KT)
- Pembiayaan Peribadi Tanpa Penjamin (KA)
- Pembiayaan Bagi Takaful dan Cukai Jalan Kenderaan (IR)
- Kempen Pembiayaan Peribadi Bai'inah (KRC)

Nota:

- a. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda jika anda tidak membuat pembayaran bagi akaun pembiayaan peribadi anda dengan sewajarnya.
- b. Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah mulai [01/01/2025].

Penafian:

Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma-terma dan syarat-syarat dalam Lembaran Penzahiran Produk ini adalah tentatif/petunjuk sahaja dan boleh berubah atas budi bicara KT. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa kepada anda dengan menggunakan kaedah komunikasi yang dianggap sesuai. Terma-terma dan syarat-syarat yang muktamad adalah apabila pembiayaan diluluskan mengikut proses penilaian dan kelulusan seperti yang ditetapkan dalam Borang Permohonan Pembiayaan peSARA-i, Borang Aqad iaitu Perjanjian Jualan Harga Tangguh (Bai Inah) dan Perjanjian Belian Tunai (Bai Inah) dan Baucer Bayaran.

Sila hubungi mana-mana Cawangan KT berdekatan atau layari www.katmb.com.my untuk maklumat lanjut.